

yang menggambarkan sifat, kerja dan fungsi. Melalui simile- simile ini, penyair dapat menjelaskan keadaan sosio-ekonomi masyarakat dengan jelas dan jitu.

4.10 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa, penggunaan unsur diksi, metafora dan simile dalam tema-tema oleh penyair melakarkan unsur keputisan serta keindahan bahasa dalam puisi-puisi yang dihasilkan penyair. Di samping itu, unsur-unsur keindahan bahasa yang diutarakan penyair berjaya menyampaikan mesej tema iaitu alam semesta, kebudayaan dan sosio-ekonomi dengan jelas dan mudah. Dalam penyampaian maklumat dan mesej, unsur-unsur keindahan bahasa ini juga dapat menimbulkan perasaan serta merangsangkan daya keputisan dengan sempurna. Dengan penggunaan unsur-unsur diksi, metafora dan simile dalam puisi, penyair dapat menyalurkan idea dan perasaan secara abstrak disaluti nilai-nilai keindahan bahasa kepada pembaca dengan mudah.

BAB 5

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, dibincangkan sejauh mana objektif kajian tercapai dan persoalan kajian dapat dijawab. Kajian penyelidikan meninjau penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa dalam puisi-puisi Tamil Malaysia mengikut tiga tema pilihan penyair. Tinjauan kajian ini dilakukan melalui pengumpulan data dan penganalisan data.

Penyelidik membuat pembahagian terperinci akan data-data kajian untuk melihat satu gambaran jelas ke atas penggunaan unsur-unsur diksi, metafora dan simile mengikut tema penyair dalam puisi mereka.

5.1 UNGKAPAN KEMBALI PERSOALAN KAJIAN

7. Apakah jenis diksi yang digunakan mengikut tema dalam puisi-puisi Tamil antara tahun 1971 hingga 2000?
8. Apakah jenis metafora yang digunakan dalam puisi-puisi Tamil di antara tahun 1971 hingga 2000?
9. Apakah jenis penggunaan simile yang digunakan dalam puisi-puisi Tamil di antara tahun 1971 hingga 2000?

5.2 DAPATAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dalam kajian ini, puisi yang dipilih untuk kajian ini adalah berdasarkan tema yang digarap oleh penyair bersifat gambaran diskriptif mengenai alam semesta,

kebudayaan (bahasa, bangsa, kesedaran) serta sosio-ekonomi. Data-data dikumpul mengikut nilai-nilai keindahan bahasa iaitu diksi, metafora dan simile yang diklasifikasikan mengikut tema dan jangkamasa yang ditetapkan iaitu dari tahun 1971 hingga 1985 dan dari tahun 1986 hingga 2000.

Penyelidik menganalisis puisi dengan mengkaji penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa mengikut tema. Penyelidik juga membuat analisis wacana dari sudut kandungan tema berkaitan dengan objektif kajian.

5.2.1 PENGGUNAAN UNSUR DIKSI DALAM PUISI

Penggunaan diksi memainkan peranan penting dalam penyampaian sesuatu hasil puisi (Kerimas 1988:31). Diksi yang sesuai dalam sesebuah puisi akan memberi nilai kesenian dalam puisi. Ini kerana diksi yang tepat akan menjiwai pengalaman penyair dalam hasrat menyampaikan tema. Diksi yang menimbulkan penjiwaan dalam puisi ini jelas terserlah dalam puisi-puisi kajian ini. Dalam puisi-puisi kajian ini penyair dapat menyampaikan tema puisi mereka melalui diksi yang penuh dengan keputisan.

A. TEMA ALAM SEMESTA

Dalam kajian diksi, penyelidik mendapati penyair menonjolkan dua paradigma dalam penggunaan diksi yang berbeza mengikut dua tempoh masa yang berlainan seperti berikut:

Jadual 5.1 : Senarai penggunaan unsur diksi dalam tema alam semesta mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	Sinaran titik embun pagi Perjalanan angsa putih Suara merdu burung kakak tua	1.	Tiada manusia untuk menyambut keindahanmu oh! Alam ku!
2.	Bulan di langit yang menyinar Bunga teratai yang mekar indah	2.	Alam tersenyum indah dalam setiap benda diwujudkan Tuhan

Dalam tempoh masa pertama (1970-1985), penyair lebih memperlihatkan diksi yang memperihalkan keindahan alam serta ciri yang mengagumkan alam semesta. Keindahan alam dapat diperlihatkan oleh penyair melalui unsur-unsur alam seperti ‘sinaran titik embun pagi’, ‘perjalanan angsa putih’, ‘suara merdu burung kakak tua’, ‘bulan di langit yang menyinar’ serta ‘bunga teratai yang mekar indah’. Dengan demikian keajaiban alam serta keindahan alam dapat dihayati oleh pembaca. Penyampaian tema juga dapat dijelaskan dengan jitu.

Dalam tahap kedua (1986-2000), penyelidik dapat melihat pendirian penyair yang berbentuk keluhan hati. Suara penyair yang kesal dengan pengabaian manusia akan keindahan alam dapat diamati dalam diksi mereka. Penggunaan diksi ‘tiada manusia untuk menyambut keindahanmu oh! Alamku!’ dan ‘alam tersenyum indah dalam setiap benda diwujudkan Tuhan’ jelas memperlihatkan keluhan sayu penyair.

Justeru, dalam puisi tema alam semesta penyair berperanan sebagai pencetus minda yang memberi ilham mengenai keindahan alam kepada pembaca. Penyair juga berperanan sebagai penyeru alam yang ingin menyedarkan manusia untuk mencintai dan menjaga alam semesta. Lantaran, penyair menggunakan unsur estetika bahasa sejajar dengan tujuan penciptaannya.

B. TEMA KEBUDAYAAN

Penggunaan diksi dalam sebuah puisi disusun rapi untuk membina inspirasi yang tinggi terhadap puisi ciptaan seorang penyair. Ini jelas terbukti melalui penggunaan diksi penyair dalam tema kebudayaan seperti berikut :

Jadual 5.2 : Senarai penggunaan unsur diksi dalam tema kebudayaan mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	Berjalan menggunakan kedua belah kaki	1.	Pokok akan hilang kekuatannya dan mati, jika melupakan akarnya
2.	Sekuntum bunga yang ingin menjelma kesejukan	2.	Menyelimut diri dengan kepercayaan kolot

Dalam tema kebudayaan, penyelidik mendapati penyampaian tema melalui diksi yang tepat dan sempurna. Di tahap pertama (1970-1986), penyair memberi inspirasi dan panduan akan kepentingan budaya dalam keutuhan bangsa. Penyair menggunakan diksi seperti ‘berjalan menggunakan kedua belah kaki’ untuk menitikberatkan usaha gigih bagi mencapai kemajuan bangsa dan ‘sekuntum bunga yang ingin menjelma kesejukan’ untuk menyarankan cara terpuji bagi menikmati keseronakan dalam hidup

masyarakat. Kedua-dua penggunaan diksi ini penuh dengan keputisan dapat menyampaikan hasrat penyair di hati pembaca dengan mudah.

Di peringkat kedua (1986-2000) pula penyair menyedarkan pembaca akan kepentingan bahasa serta menggelakkan diri daripada kepercayaan karut melalui diksi ‘pokok akan hilang kekuatannya jika melupakan akarnya’ dan ‘menyelimut diri dengan kepercayaan kolot’. Kedua-dua penggunaan diksi ini dapat membayangkan maksud sebenar penyair serta menyampaikan hasrat penyair dengan tepat.

C. TEMA SOSIO-EKONOMI

Dalam penyampaian tema sosio-ekonomi pula, penyair dapat menggambarkan masyarakat dengan diksi-diksi mudah yang dapat memberi gambaran deskripsi faktual mengenai keadaan harian. Diksi tersebut seperti berikut:

Jadual 5.3 : Senarai penggunaan unsur diksi dalam tema sosio- ekonomi mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	Yang mana satu terpuji? Hidup dalam kegelapan atau membuka mata mengikut peredaran masa?	1.	Kita masih menjaga keselamatan diri dalam lamunan mimpi kita
2.	Tangisan setelah rumah dilanda ribut	2.	Jangan lagi mengunyah mulut kosong

Dalam penyampaian tema sosio-ekonomi, penyair dapat menonjolkan keadaan masyarakat melalui persoalan-persoalan yang dikemukakan serta membayangkan maksud yang abstrak dengan mudah dan jitu. Diksi penggunaan penyair seperti ‘yang mana satu terpuji? Hidup dalam kegelapan atau membuka mata mengikut peredaran

masa?’, ‘jika ribut melanda di rumah baru mengeluarkan tangisan’, ‘kita masih menjaga keselamatan diri dalam habuan mimpi kita’ dan ‘jangan lagi mengunyah mulut kosong’ dalam kedua-dua tahap menjelaskan situasi sebenar masyarakat yang tidak mempunyai kesedaran diri. Dengan menggunakan diksi ini penyair dapat menyampaikan seruan isi hati iaitu membangkitkan masyarakat untuk mendapatkan kesedaran sosio-ekonomi bagi kemajuan.

Kesimpulan

Penggunaan diksi dalam puisi berbeza mengikut penyair (Ariff Shahidan : 1998:19), kerana pendirian penyair berbeza. Pemilihan kata atau diksi dalam puisi berbentuk keputisan dan bukan keputisan bergantung kepada tema pilihan penyair. Penyair memilih diksi untuk mengukuhkan puisi dari segi tema dan maksud puisi. Diksi-diksi pilihan penyair dapat meluahkan perasaan dan pemikiran penyair. Dalam kajian ini, pemilihan diksi penyair jelas mencetuskan perasaan dan pemikiran penyair. Dalam kajian ini didapati penyair memilih diksi yang halus untuk menyampaikan persoalan-persoalan halus manakala menggunakan diksi jenis faktual untuk menyampaikan perkara yang melibatkan kepincangan dan kelemahan masyarakat. Justeru, diksi pilihan penyair untuk menyatakan tema menepati ciri-ciri diksi iaitu mempunyai makna konotasi tinggi, tidak memutarbelitkan makna serta mempunyai keutuhan makna yang tinggi.

5.2.2 PENGGUNAAN UNSUR METAFORA DALAM PUISI

Unsur metafora dalam puisi berperanan sebagai kiasan yang dapat menghubungkan sesuatu objek dengan objek yang lain atau sesuatu konsep dengan konsep yang lain. Salah satu perkataan dalam penggunaan metafora menjadi konkrit dan satu lagi bersifat abstrak. Metafora yang bersifat imaginasi dan kehalusan bunyi mempunyai nilai keindahan bahasa yang tinggi (Muhamad Hj. Salleh 1988:29). Metafora yang seumpama ini akan melahirkan nilai kepuistisan yang tinggi dan ciptaan puisi yang bermutu tinggi. Dalam kajian ini, penyair dapat menepati pentakrifan ini.

A. TEMA ALAM SEMESTA

Dalam tema alam semesta, penyair dapat menyampaikan tema kemesraan alam dan percintaan terhadap alam dengan sempurna melalui penggunaan metafora berikut :

Jadual 5.4 : Senarai penggunaan unsur metafora dalam tema alam semesta mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	gadis yang menari dengan kesantunan bahasa untuk menyatakan kejadian keindahan alam	1.	sumbangan ikhlas seorang pengikut setia untuk menyatakan sumbangan murni sungai yang mengalir
2.	kumpulan ikan kolam untuk menyatakan kerlipan bintang di langit	2.	selimut hijau (sari) yang menyelebungi dunia untuk menyatakan rumput yang menghijau

Melalui penggunaan metafora di atas, penyair dapat menyematkan keunikan dan keindahan alam dengan metafora yang membayangkan unsur imaginasi, unsur abstrak serta bayangan maksud dengan tepat. Penggunaan metafora dapat menghubungkan unsur konkrit dengan unsur abstrak dengan jelas.

Penyair menggunakan unsur imaginasi dalam menegakkan unsur konkrit. Dalam kedua-dua tahap penyelidikan didapati penyair menggunakan unsur-unsur konkrit seperti, 'gadis yang menari dengan kesantunan bahasa', 'kumpulan ikan di kolam, 'sumbangan ikhlas seorang pengikut setia' dan 'kain rentang terbentang luas' untuk menyampaikan unsur abstrak seperti 'kejadian keindahan alam (sinaran bulan, alunan air terjun)', 'kerlipan bintang di langit', 'sumbangan murni sungai yang mengalir' dan 'rumput yang menghijau'. Demi mengaitkan kedua-dua unsur konkrit dan abstrak penyair mewujudkan unsur imaginasi. Melalui unsur imaginasi ini penyair dapat menyemai penghayatan dan percintaan alam di dalam jiwa pembaca.

Penyair menggunakan bahasa yang terpilih dalam menyalurkan unsur imaginasi supaya penghayatan yang mendalam dapat disemai dalam jiwa sanubari pembaca. Ringkasnya, pemindahan bahasa penyair dijalankan melalui imaginasi penyair.

B. TEMA KEBUDAYAAN

Metafora merupakan alat yang meneguh persepsi menerusi makna baharu yang diwujudkan dengan menjelaskan sesuatu yang abstrak (Ibrahim Ahmad 2008: 30). Pandangan ini dapat terbukti dalam puisi kajian ini.

Jadual 5.5 : Senarai penggunaan unsur metafora dalam tema kebudayaan mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	anak panah yang membunuh untuk memperihalkan kaum lelaki yang memusnahkan kesucian wanita.	1.	Lelayang berputus tali untuk menyatakan masyarakat yang tiada hala tuju
2.	kumbang yang mencari bunga lain untuk menyatakan lelaki yang tidak ikhlas	2.	Rumput terpijak oleh manusia dan binatang untuk memberi gambaran bahawa masyarakat India hanya mempunyai martabat yang rendah dan dipandang hina oleh masyarakat lain.
3.	daun pisang yang dibuang di tepi jalan untuk menyatakan jasa Kaum India yang tidak lagi dihargai serta pengorbanan mereka yang tidak lagi dipentingkan	3.	Anjing jalanan untuk menyatakan hidup yang tiada perlindungan
4.	Patung terukir indah untuk menyatakan masyarakat yang hilang penghormatan	4.	Menjadi seekor kumbang yang mabuk untuk menyatakan keadaan seorang wanita yang terpengaruh dengan budaya asing
		5.	Kecantikan bunga yang mekar untuk menyatakan wanita bersifat kerohanian tinggi.

Penggunaan metafora yang tepat di atas mewujudkan persepsi serta membayangkan yang abstrak. Penyair menggunakan metafora seperti ‘anak panah yang membunuh’, ‘kumbang yang mencari bunga lain’, ‘daun pisang yang dibuang di tepi jalan’, ‘patung terukir indah’, ‘lelayang berputus tali’, ‘Rumput terpijak oleh manusia dan binatang’, ‘anjing jalanan’, ‘menjadi kumbang yang mabuk’ dan ‘kecantikan bunga yang mekar’ untuk menggambarkan kepincangan dan keruntuhan kebudayaan masyarakat yang menjadi unsur abstrak dalam tema puisi mereka.

Pada kedua-dua tahap, penyair jelas memilih metafora yang merupakan perkara yang menjadi luar tabii alam untuk membayangkan kepincangan kebudayaan

masyarakat. Di samping itu penyair juga memilih metafora yang halus (contohnya, bunga) untuk menghubungkan objek yang halus seperti wanita yang lemah lembut. Penyair juga menggunakan unsur metafora yang seakan-akan sama pada kedua-dua tahap iaitu berunsurkan perkara yang membawa keindahan pandangan persepsi seseorang. Pada keseluruhannya, penyair mudah menyampaikan kesedaran kepada pembaca melalui metafora yang jelas dan jitu.

C. TEMA SOSIO-EKONOMI

Dalam puisi, metafora digunakan untuk menyampaikan sesuatu yang berdekatan atau perbandingan yang langsung bertautan antara dua perkara (Francis Mayes 1978:97). Pandangan mengenai fungsi metafora ini terserlah dalam kajian ini.

Jadual 5.6 : Senarai penggunaan unsur metafora dalam tema sosio- ekonomi mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	Memburu harimau tetapi mendapat tikus untuk menyatakan tidak dapat merasai hasil lumayan walaupun mempunyai impian tinggi	1.	Sikap bermandi lumpur untuk menyatakan mengamalkan sistem kasta
2.	Lembu terikat pada alat pengisar minyak untuk menyatakan masyarakat tidak mahu berubah	2.	Jerami padi yang ditinggalkan untuk menyatakan sumbangan masyarakat yang dilupakan

Di dalam puisi yang bertemakan sosio-ekonomi penyair menggunakan metafora yang bertautan dengan tema dan metaforanya. Pada kedua-dua tahap penyair menggunakan metafora seperti ‘memburu harimau tetapi mendapat tikus’, ‘lembu terikat pada alat pengisar minyak’, ‘sikap bermandi lumpur’ dan ‘jerami padi yang

ditinggalkan' untuk menyatakan ketinggalan masyarakat dalam mengejar kemakmuran ekonomi. Metafora yang digunakan dalam kedua-dua tahap ini menampilkan pengalaman penyair yang berhubungkait dengan hidupan harian yang berlandaskan aktiviti ekonomi. Dengan demikian, metafora pilihan penyair bukan sahaja berfungsi dengan ciri imaginatif tetapi juga berciri logika iaitu kaitan realiti yang dibicarakan sarjana sastera.

Kesimpulan

Penggunaan metafora mengindahakan sesuatu puisi. Metafora menjadi perkara pokok dalam sesebuah puisi. Di samping menjadi jiwa puisi, metafora juga menerangkan sesuatu yang lebih kompleks dengan perbandingan imej yang lebih mudah. Dalam kajian ini, penyelidik mengamati penyair menepati fungsi ini dalam penggunaan metafora mereka. Metafora pilihan penyair menyamai pandangan-pandangan sarjana mengenai penggunaan metafora dalam puisi.

Metafora dalam puisi harus membandingkan persamaan antara dua benda yang dibandingkan. Ia harus melakukan pindahan makna dengan tepat (Muhamad Hj.Saleh 1988:29). Kebenaran kenyataan di atas jelas terbukti dalam metafora yang dikaji dalam kajian ini.

Metafora merupakan satu proses linguistik yang melibatkan sesuatu objek dibawa atau dipindahkan kepada objek lain (Ibrahim Ahmad 2008:20). Fungsi ini juga jelas ternampak dalam penggunaan metafora kajian ini. Penyair dapat menggunakan

metod penggantian sesuatu kata bersifat konkrit dengan sesuatu yang bersifat abstrak dalam kajian ini.

5.2.3 PENGGUNAAN UNSUR SIMILE DALAM PUISI

Simile dalam puisi membandingkan antara dua perkara iaitu menyatakan maksud dengan membandingkan sesuatu perkara lain yang seumpama dengannya. Dalam kajian ini penyair menggunakan simile yang tertentu untuk membandingkan tema perbincangan puisi mereka.

A. TEMA ALAM SEMESTA

Simile yang digunakan dalam puisi harus membandingkan sebuah objek lain yang mempunyai persamaan fizikal atau abstrak. Perbandingan sedemikian dapat meningkatkan keberkesanan dan kekuasaan objek atau perkara yang ingin disampaikan (Keris Mas 1988:143). Kebenaran kenyataan ini ditepati oleh semua penyair kajian ini. Simile pilihan penyair di bawah ini membuktikannya.

Jadual 5.7 : Senarai penggunaan unsur simile dalam tema alam semesta mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	Pasir putih di tepi pantai sebagai selimut yang disemat mutiara	1.	Hati murni bayi bagai keputihan bunga melor

	Alunan ombak yang mencuit hati bagai senyuman bayi yang mengikat hati		
2.	Hati murni yang ingin menegakkan keadilan seumpama alunan ombak yang tidak berputus-putus	2.	Pengaliran sungai yang serba indah bagai gadis yang berjalan dengan sopan santun

Pemilihan dan penggunaan simile di atas mempunyai ciri-ciri perbandingan fizikal dengan mesej yang berbentuk abstrak. Contohnya, selimut yang disemat mutiara dibandingkan dengan pasir putih di tepi pantai, senyuman bayi yang mengikat hati dibandingkan dengan alunan ombak yang mencuit hati, keputihan bunga melor dibandingkan dengan hati murni bayi dan gadis yang berjalan sopan santun dibandingkan dengan pengaliran sungai yang serba indah jelas membayangkan ciri perbandingan terserlah dalam simile yang terpilih dalam kajian ini. Analogi perbandingan ini dapat menyampaikan tema alam semesta dengan jelas dan jitu. Ini dapat dibuktikan dengan penyampaian mesej secara tersirat melalui similenya. Penyair dapat menyampaikan mesej keindahan pantai, menegakkan keadilan, sikap merendahkan diri melalui penggunaan similenya.

B. TEMA KEBUDAYAAN

Sesuatu simile biasanya akan lemah jika simile tersebut berunsurkan abstrak dan membayangkan maksud yang samar (Francis Mayes 1978:94). Puisi-puisi pilihan dalam kajian ini menepati tema kebudayaan ini.

Jadual 5.8 : Senarai penggunaan unsur simile dalam tema kebudayaan mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	Bahasa yang tercemar dengan kata-kata pinjaman umpama seorang isteri yang soleh menampil diri dengan pakaian yang menjolok mata.	1.	Sikap menagung-agungkan bahasa lain umpama minum air kumuhan dengan membuang susu segar
2.	Pengalaman manis yang terasa melalui penjiwaan bahasa umpama terminum air tebu	2.	Jangka hayat karya yang tidak bermutu umpama kematian seekor kerdik

Dalam tema kebudayaan ini, penyair menggunakan simile yang dapat membayangkan maksud tema dengan jelas tanpa kesamaran maksud. Dalam tema kebudayaan ini penyair dapat mengutarakan simile seperti ‘seorang isteri yang soleh menampil diri dengan pakaian yang menjolok mata untuk membayangkan bahasa yang tercemar dengan kata-kata pinjaman; pengalaman manis yang terasa melalui penjiwaan bahasa disamakan dengan ‘terminum air tebu’; sikap mengagung-agungkan bahasa lain dengan perbandingan simile ‘minum air kumuhan dengan membuang susu segar’ dan menonjolkan keadaan jangka hayat karya yang tidak bermutu dengan ‘kematian seekor kerdik’ menepati kenyataan ini. Simile pilihan dalam puisi tema kebudayaan bukan sahaja jelas tetapi juga menerangkan keadaan yang nyata. Dengan menggunakan simile

ini penyair dapat menonjolkan maksud tema dengan mudah serta memberi peluang kepada pembaca untuk menghayati idea penyair dengan tepat.

C. TEMA SOSIO-EKONOMI

Simile yang dipilih untuk puisi harus mempunyai nilai keutuhan dengan memberi makna tepat terhadap perkara yang dibandingkan. Dalam perbandingan tersebut simile juga harus berperanan sebagai unsur yang menggambarkan sifat, menggambarkan kerja dan menggambarkan fungsi (Raja Gopalachariyar 1963:47). Penjelasan ciri simile ini luas terserlah dalam penggunaan penyair dalam tema sosio-ekonomi seperti berikut:

Jadual 5.9 : Senarai penggunaan unsur simile dalam tema sosio- ekonomi mengikut dua tempoh masa

	1971-1985		1986-2000
1.	Sikap tidak dapat ambil keputusan tepat bagai meletakkan kaki sebelah di air sungai dan sebelahnya di dalam lumpur.	1.	Kesusahan untuk mendapatkan pekerjaan bagai bengkokkan busur
2.	Mensia-siakan usaha permuafakatan bagai memecahkan patung yang terukir indah	2.	Tidak merasakan faedah dari hasil usaha bagai ulat sutera yang mati setelah memberikan benang sutera.

Dalam simile-simile di atas, ciri simile iaitu menggambarkan sifat, kerja dan fungsi jelas menonjol. Kelemahan diri yang tidak dapat mengambil keputusan tepat dapat digambarkan melalui simile ‘meletakkan kaki sebelah di air sungai dan sebelahnya di lumpur’. Di samping itu simile yang menggambarkan kerja pula terdapat

dalam simile ‘memecahkan patung yang terukir indah’ dan ‘bengkokkan busur’ kerana masing-masing membawa maksud mensia-siakan usaha permuafakatan dan kesusahan untuk mendapatkan pekerjaan. Simile berunsurkan fungsi pula dapat diamati dalam simile ‘ulat sutera yang mati setelah memberikan benang sutera’ menyampaikan mesej tema iaitu tidak merasakan apa jua faedah setelah penat berusaha. Di dalam simile-simile ini penyair berupaya menghasilkan satu imej yang memaparkan imej asal mengenai perkara yang dibandingkan dengan sejelas-jelasnya.

Kesimpulan

Simile yang digunakan dalam puisi akan menjelaskan suatu perkara yang menjadi abstrak dengan benda atau perkara yang menjadi kenyataan umum. Simile yang sesuai dapat membayangkan perkara sebenar dengan tepat dan menyampaikan makna sebenar. Penggunaan simile dalam puisi kajian ini menepati ciri-ciri simile serta penuh dengan nilai keindahan bahasa yang tinggi.

5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Puisi merupakan genre kesusasteraan yang menyampaikan maksud dalam bentuk yang indah dan menarik. Puisi merupakan genre yang dapat mewujudkan kesan yang mendalam terhadap pembentuk jiwa sesuatu masyarakat. Dalam mengklasifikasi kesusasteraan puisi digunakan untuk mengutarakan fikiran dengan bahasa yang indah. Dalam perbincangan kesusasteraan, puisi dianggap sebagai genre yang menitikberatkan gaya yang mempunyai nilai keindahan bahasa yang tinggi untuk menyampaikan idea dan maklumat. Nilai keindahan bahasa dalam puisi digunakan untuk menyatakan

perasaan, pemikiran dan gambaran yang ingin disampaikan oleh penyair. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji penggunaan unsur-unsur estetika bahasa mengikut tema dalam Puisi Tamil Malaysia dari tahun 1971 hingga tahun 2000. Kajian ini memberi tumpuan ke atas persoalan, jenis-jenis diksi, metafora dan simile yang digunakan oleh penyair mengikut tema. Justeru itu, kajian ini diharap berguna kepada penyair-penyair dari segi kepenggunaan unsur keindahan bahasa dalam memperkayakan sesebuah hasil puisi.

Seterusnya, kajian ini diharap dapat memberi implikasi kepada penyair tempatan dalam penghasilan puisi. Kajian ini diharap memberi input serta panduan yang berguna dalam usaha menghasilkan sesebuah puisi yang bermutu tinggi. Diharap melalui panduan kajian ini penyair dapat merasai kepentingan penggunaan nilai-nilai keindahan bahasa dalam ciptaan masing-masing. Penyair juga diharap dapat memuatkan unsur-unsur keindahan bahasa yang sesuai dan tepat mengikut tema pilihan mereka. Dengan demikian, penyair-penyair dapat menilai sejauhmana puisi-puisi mereka mempunyai nilai kesusasteraan yang tinggi. Tatacara penggunaan diksi, metafora dan simile juga harap disesuaikan oleh penyair hasil perbincangan kajian ini.

Puisi secara umumnya mempunyai nilai seni yang menyelubungi jiwa dengan halus melalui kata-kata yang indah. Oleh itu puisi dianggap sebagai genre yang dapat membawa perubahan fikiran dengan mudah. Maka, kajian ini diharap dapat mempertengahan input kepada penyair-penyair muda untuk menghasilkan puisi mereka dengan nilai keindahan bahasa yang tinggi supaya dapat menyedarkan pembaca dengan tema pilihannya.

Kajian ini dapat menggambarkan jenis diksi, metafora dan simile yang digunakan oleh penyair tempatan dari tahun 1971 hingga tahun 2000. Gambaran penggunaan nilai keindahan bahasa ini diilustrasikan dengan pandangan sarjana bahasa. Keadaan ini memberi peluang kepada penyair tempatan menganalisis serta mencungkil kelemahan dan kekuatan penggunaan unsur-unsur dalam puisi. Penganalisan ini boleh menjadi panduan kepada penyair-penyair pada masa akan datang untuk menggunakan nilai-nilai keindahan bahasa dengan sesuai dan tepat dalam puisi mereka. Penghasilan puisi dalam corak ini akan melahirkan puisi-puisi yang bermutu tinggi yang dapat membawa perkembangan dalam dunia puisi secara amnya dan membawa manfaat khusus kepada pembacanya. Dengan menghasilkan puisi yang bermutu tinggi diharap membawa satu anjakan paradigma dalam pemikiran dengan menyemai nilai-nilai kreatif, inovatif dan keterampilan dalam masyarakat.

5.4 CADANGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian diskriptif yang mengkaji penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa mengikut tema dalam Puisi Tamil Malaysia dalam dua tempoh iaitu tahun 1971–1985 dan 1986-2000. Kajian ini memberi fokus utama kepada penggunaan keindahan bahasa iaitu diksi, metafora dan simile dalam tema pilihan penyair.

Penyair menemui beberapa skop kajian baru semasa menganalisis data kajian ini. Selain unsur diksi, metafora dan simile, penyelidik akan datang boleh juga menentukan skop kajian mereka dalam unsur-unsur lain dalam aspek keindahan bahasa.

Dalam kajian ini penyelidik mengkaji tiga tema mengikut aspek keindahan bahasa yang dipilih. Dicadangkan juga pengkaji seterusnya memilih satu tema sahaja dan mengkaji tema tersebut secara terperinci. Dengan demikian, kajian mendalam dapat dilakukan.

Selain daripada itu, pengkaji juga berharap penyelidik akan datang dapat melakukan satu kajian diskriptif mengenai perkembangan dalam pemilihan tema puisi mengikut peredaran zaman. Kajian seumpama ini dapat menjelaskan percambahan fikiran dan minda penyair mengikut keperluan masa.

Dalam kajian ini pengkaji telah membuat kajian berdasarkan puisi klasik (*marabu kavithai*) sahaja. Puisi-puisi moden (*putukavithai-free verse*) tidak dikaji dalam kajian ini. Memandangkan puisi-puisi moden berkembang pesat mulai tahun 80-an maka satu kajian perbandingan boleh dilakukan di antara puisi klasik (*marabu kavithai*) dan puisi-puisi moden (*putukavithai-free verse*) dalam aspek keindahan bahasa.

Semasa kajian ini dilakukan, pengkaji mengamati satu pola dalam pemilihan diksi, metafora dan simile oleh penyair tempatan. Pola ini berdasarkan kepada pengalaman dan usia seseorang penyair. Dengan demikian satu kajian perbandingan boleh dilakukan mengikut penyair baru dan lama.

5.5 KESIMPULAN

Mencipta sesebuah puisi memerlukan daya kreativiti dan imaginatif yang tinggi. Ia menekankan unsur-unsur keindahan bahasa dan penguasaan serta penyusunan

keindahan bahasa yang amat tinggi. Gaya penulisan yang merangkumi keindahan bahasa yang bermutu dapat menimbulkan kepuasan dan kenikmatan kepada pembaca. Kajian ini dilakukan ke atas penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa yang digunakan berteraskan diksi, metafora dan simile, pelbagai pola penggunaan unsur keindahan bahasa dikesan dalam kajian ini. Didapati pola penggunaan unsur keindahan bahasa ini berbeza mengikut tema puisi yang menjadi pilihan penyair. Pelbagai pandangan ahli linguistik sarjana tempatan dan asing diambil kira untuk mengkaji pola penggunaan nilai keindahan bahasa kajian ini. Didapati kebanyakan pandangan-pandangan menepati aspek keindahan dalam puisi-puisi yang dikaji. Ada juga pandangan sarjana ditinggalkan kerana keindahan bahasa yang diketengahkan oleh mereka tidak diaplikasikan dalam penghasilan puisi penyair tempatan.

Definisi keindahan bahasa dari perspektif Tamil turut dimuatkan untuk membantu kajian ini. Garis panduan Tholkappiyar (penulis Karya *Tholkappiyam* - Karya tatabahasa unggul Bahasa Tamil) mengenai penyusunan keindahan bahasa dalam puisi telah dititik beratkan dalam kajian analisisnya. Tetapi, ciri-ciri yang diutarakan Tolkappiyar didapati menyangkal dalam kebanyakan puisi yang dihasilkan penyair Tamil tempatan.

Pola penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa penyair menampakkan satu pola yang seragam. Penyair-penyair mengutarakan diksi, metafora dan simile yang seakan-akan sama dalam perbincangan tema. Penyelidik juga dapat mengamati tiada perubahan drastik dalam penggunaan unsur-unsur keindahan bahasa. Walaupun kajian

merangkumi tiga puluh tahun dan tiga buah tema yang berlainan, pola penggunaan keindahan bahasa tidak menampakkan perbezaan ketara dengan perbezaan dalam paradigma fikiran penyair. Walau bagaimanapun, satu rumusan dapat disimpulkan bahawa hasrat penyair menyuarakan nilai-nilai keindahan bahasa yang tinggi dalam penciptaan mereka menonjolkan Puisi Tamil Malaysia sebagai genre kesusasteraan yang mempunyai martabat tinggi setanding dengan Genre Kesusasteraan Tamil yang lain di Malaysia.

Bibliografi

Aisah Rahman. (1996). *Perlambangan dalam Peribahasa*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Ali Ahmad .(1984). *Tema sajak-sajak Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.